

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERUSAHA ENCIK AMIRUL BIN ARIPIN
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**SEMINAR PEMATUHAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI
ALAM SEKELILING (BUANGAN TERJADUAL) 2005 SEMPENA
HARI BUMI TAHUN 2019**

**25 APRIL 2019 (KHAMIS)
HOTEL IMPERIAL, KUCHING**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berusaha Pn. Shirley Alik
Timbalan Pengerusi Kelab Kebajikan, Sukan dan Kakitangan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

Yang Berusaha En. Zaharizam Bin Johny
Pegawai Kawalan Kanan Bahagian Operasi
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

Pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
Para Media

Tuan-Tuan, Puan-Puan sekalian
Assalamualaikum, Salam Hormat Dan Selamat Pagi

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana pagi ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 Sempena Hari Bumi Tahun 2019 ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kelab Kebajikan, Sukan dan Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini.
3. Terima kasih dan penghargaan saya juga kepada tuan/puan hadirin sekalian kerana hadir pada pagi ini. Kehadiran tuan/puan terutamanya kehadiran dari pihak syarikat dan kilang-kilang seluruh Negeri Sarawak menunjukkan sokongan dan komitmen tuan/puan dalam menjayakan program yang dirancang oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dalam isu berkaitan pengurusan buangan terjadual khususnya. Harapan saya agar semua maklumat dan pengetahuan yang diperolehi melalui seminar pada hari ini akan memberi manfaat kepada tuan/puan ke arah pengoperasian dan pengendalian kilang yang lebih lestari serta mampan dan pada setiap masa adalah patuh kepada kehendak akta, peraturan dan polisi semasa yang berkaitan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan sekalian

4. Untuk makluman, penganjuran program ini juga adalah sempena Sambutan Hari Bumi 2019 yang diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia untuk mengingatkan kita jasa bumi yang telah memberikan satu ekosistem yang terbaik untuk didiami. Ia juga bertujuan mendidik masyarakat supaya menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan keprihatinan untuk bersama-sama melindungi bumi dan alam sekitar dari pencemaran.

5. Dengan tema Sambutan Hari Bumi pada tahun ini "*Protect Our Species*" adalah bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan melindungi spesis terancam dan hidupan liar yang semakin pupus. Sebab dan akibat daripada fenomena ini mendatangkan keburukan kepada bumi dan alam semulajadi. Diharap dengan usaha ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan melindungi spesis terancam serta habitatnya dalam mengekalkan ekosistem alam semulajadi.

Tuan-Tuan, Puan-Puan sekalian

6. Seminar ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pihak industri terhadap kehendak dan keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang menjurus kepada pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Program ini adalah merupakan satu langkah inisiatif Jabatan supaya pihak industri khususnya di Negeri Sarawak memahami dan mengetahui hala tuju pengurusan Jabatan terhadap pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan di industri nanti.

7. Seminar ini juga diadakan mengambil kira banyak permintaan daripada pihak industri bagi mendalami dengan lebih jelas setiap peraturan yang telah diwartakan. Selain itu, ia merupakan satu langkah pendekatan kepada pihak industri, termasuklah industri-industri yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, supaya aspek-aspek pematuhan kepada syarat-syarat lesen yang diluluskan oleh JAS Sarawak dapat ditekankan melalui penyampaian maklumat dan informasi terkini, selain menerajui pematuhan industri kepada semua peraturan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

8. *“We cannot solve our problems with the same thinking we used when we created them.”* – Albert Einstein. Justeru, pengurusan Buangan Terjadual di Malaysia adalah berdasarkan prinsip ‘Cradle to cradle’ di mana prinsip 4R iaitu Reduce, Reuse, Recycle, Recovery digalakkan berbanding terus melupuskan buangan ke tapak pelupusan. Prinsip ini dapat mengurangkan penggunaan sumber asli, memanjangkan usia tapak pelupusan sedia ada dan dapat mengurangkan masalah alam sekitar.
9. Malaysia juga menyokong prinsip ‘*Industrial Ecology*’ bagi mengurangkan pencemaran dan buangan, pada masa yang sama mengekalkan peningkatan ekonomi dan suasana perniagaan yang berdaya maju, memelihara alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup komuniti dengan mengguna semula buangan sebagai sumber yang mampan. Konsep ‘*Industrial Ecology*’ ini adalah ‘*One Industry’s Waste Is Another’s Feedstock*’ yang bermaksud hasil buangan sesebuah industri mungkin boleh menjadi sumber bahan kepada industri yang lain.
10. Selain daripada itu, selari dengan peruntukan perundangan terkini, pihak industri juga perlu menyediakan Pegawai Berwibawa (*competent persons-CPs*) yang dikehendaki terus melaksanakan tugas serta meningkatkan pengetahuannya dalam bidang persijilannya. Untuk seminar hari ini, dimaklumkan tuan-tuan dan puan-puan yang telah

diiktiraf sebagai Pegawai Berwibawa akan mendapat 6 CPD hours dan seharusnya akan terus memberi manfaat kepada mereka untuk meningkatkan pengetahuan dan seterusnya melahirkan masyarakat industri yang berilmu dan berkemahiran dalam bidang alam sekitar di bawah kawalan JAS.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

11. Dikesempatan ini juga saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan pemain industri, pemaju projek EIA, perunding alam sekitar dan selainnya yang menabur bakti di Negeri Sarawak khususnya agar peka dengan perkembangan terkini berkaitan pengurusan alam sekitar di Malaysia. Pematuhan kepada peruntukan undang-undang alam sekitar merupakan cabaran yang besar dan perlu diberikan penekanan bagi memastikan insiden pencemaran terhadap alam sekeliling dan potensi tercetusnya isu kesihatan kepada manusia adalah boleh dibendung dan dielak di peringkat awal. Suka saya memaklumkan kepada tuan-tuan dan puan-puan, konteks pengurusan alam sekitar melalui hirarki pencegahan pencemaran di peringkat punca adalah merupakan kaedah kawalan yang terbaik. Ini merupakan peranan dan tanggungjawab besar tuan-tuan dan puan-puan sebagai pemain industri yang berada di barisan hadapan berkaitan pengurusan alam sekitar dalam mengawal, mengurus dan memastikan pengurusan alam sekitar yang mampan dan holistik.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

12. Di antara kesan utama sekiranya berlaku pelupusan haram buangan terjadual adalah pencemaran kepada alur air, air bawah tanah, atmosfera dan tanah-tanah, Keracunan kepada manusia, tumbuhan dan hidupan lain, kesan kepada kesihatan seperti penyakit barah, penyakit kulit dan tisu badan serta kebakaran ditapak pelupusan.
13. Sejarah telah melakar beberapa episod hitam yang berkaitan kemalangan dan bencana yang berpunca daripada kurangnya sensitiviti dan keprihatinan terhadap pengurusan alam sekitar seperti insiden "*Love Canal*" di New York, Amerika Syarikat sekitar tahun 1942 hingga 1975 dan insiden Minamata di Kumamoto, Jepun pada tahun 1954 yang mencoret kisah ngeri dan tragis sebagai tatapan dan peringatan kepada kita generasi hari ini. Tidak kurangnya juga insiden kegagalan pengurusan alam sekitar seperti kes pembuangan kimia Potasium dari Pulau Pinang di Pulau Pangkor pada tahun 1995, pelupusan sisa toksik dari Taiwan di Johor pada tahun 2004 yang lalu. Oleh yang sedemikian, saya menyeru kepada semua supaya mengambil iktibar dan pendekatan mencegah bagi memastikan perkara – perkara sebegini tidak akan berlaku lagi.
14. Baru-baru ini negara dikejutkan dengan kes pembuangan haram bahan kimia di sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor pada 7 Mac 2019. Mereka yang terhidu gas dari sebatian kimia tersebut mengalami pening, muntah,

sesak nafas dan malah boleh menyebabkan kesan bahaya yang lain. Siasatan Jabatan Alam Sekitar mendapati buangan tersebut merupakan buangan terjadual yang dibuang secara haram ke Sungai Kim Kim dan merupakan kesalahan yang serius di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Tindakan undang-undang yang tegas juga akan diambil ke atas mereka yang didapati bersalah. Kes disiasat di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan jika sabit kesalahan akan didenda sehingga RM500,000 dan penjara tidak melebihi 5 tahun.

15. Akhir sekali, saya memohon agar semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing dengan memberikan komitmen yang berterusan terhadap pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar yang lebih baik. Saya juga berharap, jaringan komunikasi dan sesi perjumpaan sebegini dapat diteruskan lagi di masa akan datang bagi menjelaskan komitmen semua pihak, khususnya di Negeri Sarawak seiring dengan peningkatan kualiti alam sekitar demi kesejahteraan hidup generasi masa kini dan akan datang.

16. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini terutamanya kepada Kelab Kebajikan, Sukan dan Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak . Tahniah dan syabas di atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan. Saya berharap kita semua akan terus

memperjuangkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan memberi manfaat kepada semua pihak khususnya di Negeri Sarawak.

17. Sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih, tahniah dan syabas kepada semua tuan/puan yang hadir pada hari ini. Kehadiran tuan/puan adalah diperlukan untuk sama-sama kita berkongsi maklumat, isu-isu semasa dan hala tuju ke arah memastikan pematuhan berterusan premis/kilang seluruh Negeri Sarawak ke arah kualiti hidup yang lebih sihat. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan- Puan ke Majlis ini membuktikan sokongan padu pelbagai pihak terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar. Semoga komitmen dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan bagi mewujudkan dan memperluaskan pendidikan kesedaran alam sekitar melibatkan warga sekolah pada tahun-tahun yang akan datang.

18. Sehubungan itu, sukacitanya saya dengan lafaz “BISMILLAHIR RAHMAN NIRRAHIM” merasmikan Majlis Perasmian Seminar Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 Sempena Hari Bumi Tahun 2019 pada hari ini.

Sekian. Terima kasih dan Selamat Maju Jaya.